

CNS6185

U GB 04-02 00148 BH937

aab

Mahathir - Aman

I

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Negara-negara sedang membangun di sekitar Asia Timur perlu berusaha ke arah mewujudkan keamanan dan kemakmuran serantau, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata, sebab itu jugalah Malaysia menyambut baik perkembangan yang meyakinkan di kawasan utara Asia Pasifik.

+Bersama-sama dengan Republik Korea, Republik Demokratik Rakyat Korea terus mengadakan dialog membina di peringkat tertinggi,+ katanya pada jamuan meraikan kunjungan Perdana Menteri Korea Utara Yon Hyong Muk di Sri Perdana di sini.

+Kami sedar bahawa negara-negara di sekitar Republik Demokratik Rakyat Korea telah mewujudkan persefahaman baru dengan kedua-dua negara Korea itu berdasarkan kepada kerjasama dan bantuan ekonomi yang rapat,+ katanya.

Hubungan ini, katanya, dilihat selari dengan pembangunan di Asia Tenggara di mana negara-negara Asean telah mewujudkan kestabilan dalam tempoh 20 tahun. -- Lagi

♥04/02/21-12MST

CNS6186

U GB 04-02 00182 BH938

aab

Mahathir - Aman 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata usaha ke arah mencapai keselamatan oleh negara-negara Asean adalah untuk meningkatkan taraf hidup rakyatnya melalui pembangunan ekonomi dan konsep zon aman, bebas dan berkecuali di rantau ini.

Beliau juga berkata bahawa Asean terikat kepada konsep membebaskan Asia Tenggara daripada pencerobohan nuklear.

@ +Apabila kita mencapai penyelesaian terhadap masalah Kemboja, yang kita harap tidak lama lagi, bahagian di Asia Tenggara akan menyaksikan keamanan dan kestabilan politik yang tulen,+ katanya.

Beliau berkata, kemakmuran tidak dapat dicapai tanpa keamanan, sambil menyebut bahawa pada masa ini darah sedang mengalir dalam peperangan di Teluk.

+Kami di sini mempunyai pendirian bahawa masalah antarabangsa harus diselesaikan secara aman kerana kami begitu komited kepada keamanan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata ketika ekonomi dunia mengalami perubahan, masanya telah tiba bagi negara-negara sedang membangun untuk menjalinkan hubungan perdagangan serantau dan antarabangsa dan sistem pembayaran.

Perdana Menteri Korea Utara itu, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan empat hari, diiringi 28 anggota pegawai. -- Bernama

10MST